

Tiada dilema Dr Mahathir, hanya mahu Malaysia yang lebih baik

Malaysian Insider

July 27 , 2013

Analisis berita oleh The Malaysian Insider

Mungkin sedekad lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad (gambar) mampu memperkatakan apa sahaja yang boleh mengagumkan jutaan orang hingga memesongkan kebenaran dan membenarkan dia hidup dalam kemewahan.

Sedekad lalu juga beliau mampu menyampaikan hujah dalam akhbar Umno, New Straits Times yang hari ini beliau bercerita tentang dilema orang Cina dengan menuduh DAP cuba mencorak Singapura di Malaysia di mana orang Cina lebih menumpukan kuasa politik dan ekonomi berbanding perkongsian kuasa.

"Dilema orang Cina sama ada mahu merampas kuasa politik sambil mendominasi ekonomi atau mengekalkan konsep perkongsian yang mencorak negara hari ini... Itulah dilema orang Cina," ujar beliau.

Pesanan kepada Dr Mahathir: Orang Cina tidak berdepan dilema. Sebagai makluman, 51 peratus mengundi untuk Pakatan Rakyat (PR) semasa PRU13 lalu tidak berdepan dilema; suara mahu menggulingkan perikatan yang telah lama mengamal rasuah dan membiarkan negara berpecah dari segi bangsa dan agama.

Kebencian menebal terhadap Barisan Nasional (BN) dan yang mewakili Cina dan kaum bukan melayu lain - sanggup mengundi calon PAS yang orang Cina tidak mahu lakukan seperti pada pilihan raya 1999 bila undi orang Cina menyelamatkan kelangsungan Dr Mahathir.

Dr Mahathir mengetahui hal ini namun terpaksa menerima sebuah realiti yang lebih teruk: beliau sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun menyumbang kepada parti komponen yang tidak berjiwa.

Adalah lebih mudah dan hanya mementingkan diri menyalahkan DAP dengan rekaan imej yang dibentuk MCA bersesuaian dengan dunia Umno yang selama ini memainkan sentimen rasis kaum Cina yang menyokong Pakatan Rakyat

"DAP menyebabkan kejatuhan MCA menjadi punca wakil kaum Cina dalam kerajaan lemah. Tanpa DAP, MCA berupaya untuk mendapat lebih kerusi di Parlimen dan Kerajaan, " katanya yang dipetik dalam akhbar.

Hal yang sebenarnya, kebanyakan kaum Cina dan bukan melayu menolak MCA bukan kerana mereka menggadai Umno, bukan kerana melayu. Kaum bukan melayu tidak akan bertengkar dengan Melayu. Dan sebagai contoh, majoriti melayu dan bukan melayu sentiasa berkongsi kedukaan dan kejayaan.

Bagi kedua pihak ramai ditinggalkan sementara ahli politik berkaitan dan keluarga mereka berpesta dengan perbelanjaan pembayaran cukai melalui kontrak dan ketirisan

Dakwaan hutang isi rumah Malaysia adalah antara tertinggi di dunia pada 83 peratus daripada KDNK dan rakyat Malaysia mereka yang dibawah jagaan Umno sepatutnya membentuk bilangan terbesar risiko hutang.

Apa yang Cina dan bukan Melayu tidak boleh terima ialah fakta bahawa ahli politik MCA dan MIC menjadi penyokong Umno, malah lebih teruk mereka juga bersama merompak negara.

Ia amat menarik selepas selesai PRU 13, sesetengah ahli politik MCA dan MIC dilihat mula bersuara.

Beralih kepada kisah Dr Mahathir, dari menyalahkan DAP dan kaum Cina atau siapa saja yang digambarkan musuh dan menulis pendapat dengan aspek yang kurang dari situasi sebenar, mungkin boleh menggunakan cara yang lebih baik.

Untuk menekankan beberapa soalan seperti :

Kenapa menjadi Perdana Menteri dengan begitu lama, kerana beliau dilihat tidak mampu untuk membuat kaum Melayu khususnya golongan remaja untuk kurang bergantung kepada bantuan kerajaan?

Kenapa dia tidak mahu menghapuskan budaya wang segera dan korupsi yang menjadi-jadi di Malaysia terutama ahli politik ?

Kenapa hanya begitu menumpukan kepada perubahan di Kuala Lumpur seperti pembinaan pencakar langit daripada projek Bangsa Malaysia yang diabaikan.

Kenapa beliau tidak melakukan lebih untuk pendidikan. Ini kerana mengasingkan sekolah bukan Melayu adalah ketika tempoh perkhidmatan beliau sebagai PM, di mana ia menjadi titik mula isu pepecahan kaum yang serius

Kenapa ketika beliau masih lagi menjadi PM tidak memperkukuhkan Islam yang hanya bersifat luaran berbanding mengaplikasikannya.

Senarai persoalan mengenai pentadbiran negara selama 22 tahun beliau memerintah tidak akan berterusan dan tidak akan habis dan padahnya apabila ramai rakyat negara ini menolak barisan Nasional pada PRU 13 .

Atau sekurang-kurangnya tidak ada satu pun kewujudan percubaan Dr Mahathir dalam menangani isu yang bakal dihadapi dan menghantui BN

Korupsi, penyelewangan kuasa, kelemahan pentadbiran kerajaan, dan mempermainkan pepaduan kaum.

Ia adalah kemuncak kepada semua faktor yang menyebabkan undi BN hilang.

Ia secara tidak langsung memberi DAP atau Datuk Seri Anwar Ibrahim kredit kerana mencadangkan kepada rakyat Malaysia diatas perjanjian politik mereka yang bersifat retorik.

Ia adalah amat tidak jujur menyatakan kaum Cina mengundi DAP kerana hanya tamakan kuasa politik.

Dan mereka mahukukan lebih dari BN , termasuk visi Malaysia. - 27 Julai, 2013

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiada-dilema-dr-mahathir-hanya-mahu-malaysia-yang-lebih-baik>